

# KESEJAHTERAAN KEWANGAN DALAM KALANGAN IBU TUNGGAL DI NEGERI SEMBILAN

Norlela Zainal  
Husniyah Abdul Rahim  
Mohamad Fazli Sabri  
Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna,  
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.

## Pengenalan

Pada masa kini, isu kos sara hidup dalam kalangan penduduk yang berpendapatan rendah, khususnya ibu tunggal perlu dikaji untuk memahami masalah kemiskinan yang berlaku terutamanya di bandar. Sesebuah keluarga yang diketuai oleh ibu tunggal sering menerima stigma negatif oleh masyarakat kerana kegagalan dan konflik yang berlaku dalam kehidupan rumah tangga serta mempunyai taraf ekonomi yang rendah. Hal ini menyukarkan seseorang ibu tunggal untuk meneruskan kehidupan selepas perceraian atau kematian suami untuk menyara kehidupan diri dan anak-anak kerana terpaksa menanggung tanggungjawab secara sepenuhnya dalam menguruskan rumahtangga dan juga membesarkan anak-anak secara sendirian (Zarina, 2009). Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM, 2012), telah melaporkan bahawa kebanyakan ibu tunggal di seluruh dunia sering dihimpit masalah kemiskinan yang merupakan keadaan seseorang individu atau isi rumah yang tidak memperoleh keperluan asas seperti pakaian, perumahan, pendidikan dan kesihatan yang sempurna.

Menurut Nor Aini dan Selvaratnam (2012), seseorang wanita yang bercerai hidup atau mati sangat mudah menjadi miskin serta-merta berikutan mereka terpaksa menyara anak secara sendirian tanpa nafkah atau harta yang ditinggalkan oleh suami. Masalah ini menjadi lebih rumit kerana kehidupan di bandar melibatkan kos hidup yang tinggi. Tanggungjawab menguruskan keperluan keluarga ini menimbulkan tekanan akibat bebanan yang harus dipikul oleh ibu tunggal sendiri, terutamanya dari aspek ekonomi. Cabaran dan masalah yang dihadapi oleh ibu tunggal ini secara tidak langsung membawa kepada meningkatnya kadar kemiskinan di bandar. Keadaan tersebut telah mendesak golongan ini untuk keluar bekerja bagi menampung kos hidup anak-anak dan diri sendiri.

Situasi ini menunjukkan bahawa keluarga yang diterajui oleh ibu tunggal mempunyai struktur kewangan yang lemah, maka aspek kesejahteraan kewangan golongan ini perlu diberi perhatian yang serius.

## **Objektif Kajian**

Secara umumnya, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kesejahteraan kewangan dalam kalangan ibu tunggal di Negeri Sembilan.

## **Kajian Literatur**

### **Kesejahteraan kewangan**

Istilah kesejahteraan merupakan suatu pernyataan yang sangat luas dan meliputi pelbagai aspek yang berbeza. Pelbagai kajian dilakukan untuk membincangkan aspek kesejahteraan dengan pendekatan yang tertentu. Secara umumnya, kesejahteraan merupakan istilah yang menggambarkan suatu keadaan yang baik. Menurut pendapat Laily dan Jariah (2003), kesejahteraan adalah konsep yang meliputi kesejahteraan hidup seseorang di dunia dan akhirat yang boleh diukur secara objektif, subjektif, umum atau kawalan tertentu dan boleh digunakan sebagai kaedah pengukuran tahap kemiskinan.

Kesejahteraan juga merupakan suatu matlamat hidup setiap individu dari pelbagai aspek seperti kedudukan ekonomi, status sosial, aliran politik, sosiopsikologi dan fizikal seseorang yang boleh dipengaruhi oleh beberapa faktor (Laily, 2004). Jika melihat kepada pandangan tersebut, adalah sukar untuk mengukur tahap kesejahteraan seseorang kerana pendekatan dan persepsi kesejahteraan adalah berbeza-beza bagi setiap individu yang diukur.

Kesejahteraan boleh difahami melalui konteks ekonomi dan sering diguna pakai oleh sesebuah negara. Oleh itu, kesejahteraan kewangan sering digunakan sebagai indikator kepada kesejahteraan hidup seseorang (Zaimah *et al.*, 2012). Menurut Zaimah, Awang dan Sarmila (2016) kesejahteraan kewangan merupakan satu istilah yang diguna pakai bertujuan memberi gambaran kepuasan seseorang terhadap kedudukan kewangan peribadinya. Kesejahteraan kewangan adalah suatu konsep yang cuba menjelaskan tentang kedudukan kewangan seseorang individu atau keluarga (Zaimah & Sarmila, 2013). Manakala, menurut Joo (1998) pula, kesejahteraan kewangan merupakan suatu keadaan kewangan yang stabil, sihat dan mencapai tahap kepuasan dalam bentuk material atau bentuk bukan material. Kesejahteraan kewangan boleh diukur dengan mengkaji keupayaan seseorang untuk

memperoleh pendapatan dan kekayaan semasa yang dimiliki oleh seseorang isi rumah (Laily, 2004).

Menurut Biro Perlindungan Kewangan Pengguna (2015), kesejahteraan kewangan mempunyai empat elemen utama iaitu, 1) mempunyai kawalan ke atas kewangan secara harian dan bulanan, 2) mempunyai kapasiti untuk menampung tekanan kewangan, 3) berada di landasan yang betul untuk memenuhi matlamat kewangan, dan 4) mempunyai kebebasan kewangan untuk membuat pilihan menikmati hidup. Tambahan lagi, seseorang keluarga yang diketuai oleh wanita iaitu ibu tunggal sering mengalami masalah dari segi kewangan dan sosial (Kuzunishi, 2003; Hill, 2010). Jumlah pendapatan yang rendah dan kadar tanggungan tinggi menyukarkan seseorang ibu tunggal membuat simpanan berbanding dengan golongan yang berpendapatan tinggi.

Selain itu, menurut kajian oleh Husniyah dan Fazilah (2012), pengetahuan mengenai status kesejahteraan kewangan adalah penting kerana menyumbang kepada tahap pencapaian kesejahteraan hidup seseorang. Oleh yang demikian, kedudukan kewangan yang baik akan membawa kepada suatu perasaan selesa, selamat dan perasaan terjamin. Oleh yang demikian, kesejahteraan kewangan secara umumnya merujuk kepada kedudukan kewangan seseorang berada dalam keadaan yang dianggap selesa. Walau bagaimanapun, tahap kesejahteraan kewangan boleh berubah dan memberi kesan positif atau negatif kepada seseorang isi rumah atau individu.

Oleh itu, banyak kajian terdahulu telah membuktikan bahawa keadaan kewangan yang dialami oleh ibu tunggal berpendapatan rendah menyebabkan mereka sentiasa berhadapan dengan situasi yang kritikal. Seseorang ibu tunggal masih lagi mengalami kesukaran untuk memperoleh kewangan yang mencukupi bagi menanggung perbelanjaan dan penjagaan anak-anak, serta diri mereka sendiri (Broussard, 2010). Hal ini terjadi kerana mereka menggalas bebanan besar dengan mengetuai seseorang isi rumah, terutamanya golongan ibu tunggal yang secara relatifnya berpendapatan rendah dan tidak mempunyai pekerjaan tetap. Oleh itu, aspek perancangan kewangan memainkan peranan yang sangat besar dalam mempengaruhi kesejahteraan kewangan seseorang.

Menurut kajian lalu, didapati faktor sosioekonomi seperti umur, pendapatan, tahap pendidikan dan jumlah tanggungan didapati mempengaruhi tahap kesejahteraan kewangan seseorang individu (Shim *et al.*, 2009; Rutherford & Fox, 2010). Selain itu, Zaimah, Abd Hair, dan Sarmila, (2016) turut mengesah bahawa faktor umur dan pendapatan mempengaruhi tahap kesejahteraan kewangan seseorang. Hal ini menunjukkan bahawa kesejahteraan kewangan seseorang akan meningkat apabila semakin berusia

dan apabila mempunyai jumlah pendapatan yang tinggi. Walau bagaimanapun, majoriti ibu tunggal di Malaysia berhadapan dengan masalah berpendapatan kecil dan keadaan ini telah menghadkan pilihan mereka terhadap keperluan diri sendiri dan keluarga (Abd Rahim *et al.*, 2006).

Seterusnya, kajian lepas telah membuktikan bahawa kesejahteraan kewangan turut dipengaruhi oleh pencapaian pendidikan. Hal ini kerana, menurut Zaimah *et al.* (2012), tahap pendidikan mempunyai hubungan dengan perlakuan kewangan individu. Manakala, kesejahteraan kewangan turut dipengaruhi oleh jumlah tanggungan isi rumah dan seterusnya terjadinya keluarga miskin (Al Mamun & Adaikalam, 2011; Mok, Gan, & Sanya, 2007). Situasi tersebut menjelaskan bahawa, semakin besar bilangan tanggungan, semakin tinggi jumlah perbelanjaan yang diperlukan.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan sebuah penyelidikan deskriptif yang menggunakan pendekatan kajian secara kuantitatif yang bertujuan mengetahui latar belakang dan mengukur tahap kesejahteraan kewangan dalam kalangan ibu tunggal di Negeri Sembilan. Responden ibu tunggal dipilih dengan menggunakan teknik persampelan rawak mudah di sekitar bandar daerah Seremban, Port Dickson dan Nilai. Sehubungan itu, kajian ini telah menetapkan sampel ibu tunggal diambil daripada dua sumber, iaitu daripada senarai ibu tunggal berdaftar di Jabatan Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (JPWKM), Negeri Sembilan hingga tahun 2013 dan ibu tunggal yang tidak berdaftar dengan JPWKM kutipan sampel diperoleh daripada ibu kepada pelajar di 22 buah sekolah yang dipilih secara rawak mudah daripada 38 buah Sekolah Rendah Kebangsaan yang terletak di bandar Seremban, Nilai dan Port Dickson. Jadual 1 menunjukkan lokasi sekolah yang terlibat dalam kutipan data kajian.

Sampel kajian ini melibatkan kerjasama Guru Besar, Guru Penolong Kanan (Hal Ehwal Murid) serta Guru Bimbingan dan Kaunseling bagi mengenal pasti ibu tunggal untuk diambil sebagai responden kajian ini. Pihak sekolah diberi kepercayaan untuk memilih responden secara persampelan rawak mudah berdasarkan senarai nama pelajar Tahun Satu hingga pelajar Tahun Lima yang mempunyai ibu tunggal. Keseluruhannya, sebanyak 365 ibu tunggal terlibat dalam kajian ini, tetapi hanya 311 orang responden ibu tunggal menjawab borang soal selidik dengan lengkap.

**Jadual 1: Lokasi Sekolah yang Terlibat dalam Kutipan Data Kajian**

Daerah	Sekolah
Seremban, Negeri Sembilan	Sekolah Kebangsaan Seri Kelana Sekolah Kebangsaan Taman Dusun Nyior Sekolah Kebangsaan Temiang Sekolah Kebangsaan Wawasan Sekolah Kebangsaan Dato' Bandar Rasah Sekolah Kebangsaan Taman Rasah Jaya Sekolah Kebangsaan Ampangan Sekolah Kebangsaan Paroi Sekolah Kebangsaan Sikamat Sekolah Kebangsaan Taman Tasik Jaya Sekolah Kebangsaan Taman Seri Pagi Sekolah Kebangsaan Senawang Sekolah Kebangsaan Taman Sri Mawar Sekolah Kebangsaan Taman Tuanku Jaafar Sekolah Kebangsaan Taman Tuanku Jaafar 2 Sekolah Kebangsaan Kampong Gelam
Port Dickson, Negeri Sembilan	Sekolah Kebangsaan Port Dickson Sekolah Kebangsaan Si Rusa Sekolah Kebangsaan Telok Kemang
Nilai, Negeri Sembilan	Sekolah Kebangsaan Desa Cempaka Sekolah Kebangsaan Taman Semarak Sekolah Kebangsaan Desa Jasmin

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen pengumpulan maklumat ibu tunggal di tempat kajian. Borang soal selidik ini mengandungi maklumat latar belakang responden, dan 12 item kesejahteraan kewangan yang diadaptasi berdasarkan *Malaysian Personal Financial Well-being Scale (MPFWS)* atau Skala Kesejahteraan Kewangan Peribadi Malaysia yang dibangunkan oleh Garman dan Jariah pada 2006 yang berpandukan kepada Skala Kesejahteraan Kewangan Peribadi Garman (PFWB) pada 2005. Pengumpulan data dijalankan pada tahun 2013 dan dianalisis menggunakan program *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)*. Hasil ujian kebolehpercayaan menunjukkan nilai alfa Cronbach's bagi 12 item soal selidik kesejahteraan kewangan yang digunakan adalah tinggi, iaitu 0.944. Maklumat yang diperolehi dianalisis secara deskriptif meliputi latar belakang responden, dan skor piawai yang digunakan untuk mengukur tahap kesejahteraan kewangan dalam kalangan ibu tunggal.

## Hasil Analisis dan Perbincangan

### Latar belakang responden

Jadual 2 menunjukkan ciri-ciri latar belakang sosioekonomi dan sosiodemografi responden. Hasil analisis deskriptif tersebut menunjukkan bahawa responden kajian ini majoritinya berbangsa atau kumpulan etnik Melayu (79.4%), diikuti responden etnik India (9.3%) dan Cina (8.0%) dan selebihnya merupakan lain-lain etnik (3.2%). Responden yang beragama Islam mencatatkan jumlah tertinggi (82.3%), manakala responden beragama Buddha dan Hindu masing-masing mencatatkan jumlah yang sama (7.1%), diikuti Kristian (3.2%) dan lain-lain (0.3%).

Keadaan ini menunjukkan bahawa pasangan bercerai yang beragama Islam mencatatkan jumlah paling tinggi berbanding dengan pasangan bukan beragama Islam di negara ini. Merujuk kepada statistik kes penceraian yang dilaporkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara (2010), mendapati penceraian yang berlaku dalam kalangan pasangan beragama Islam lebih tinggi berbanding dengan pasangan yang bukan beragama Islam.

Taburan responden mengikut kumpulan umur juga dinyatakan dalam Jadual 2, iaitu hasil daripada data maklumat kajian yang telah dijalankan di Seremban, Nilai dan Port Dickson, mendapati responden yang berumur 31 hingga 40 tahun menunjukkan peratusan tertinggi (39.5%), diikuti responden yang berumur 41 hingga 50 tahun (38.9%), seterusnya 51 hingga 60 tahun (11.6%), 21 hingga 30 tahun (9.0%), manakala, peratusan paling rendah iaitu responden yang berumur 20 tahun ke bawah (1.0%). Hal ini membuktikan terdapat perbezaan peringkat umur bagi responden yang diambil dalam kajian ini menunjukkan bahawa lebih banyak responden adalah dalam lingkungan umur pertengahan dan ke atas.

Hasil analisis yang dijalankan mendapati, majoriti responden kajian ini telah menamatkan persekolahan di tahap sekolah menengah atas iaitu mempunyai tahap pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional (SPMV) (49.5%). Manakala, responden mendapat pendidikan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) atau Penilaian Menengah Rendah (PMR) mencatatkan angka kedua tertinggi (20.3%). Walau bagaimanapun, terdapat juga responden yang tidak mendapat pendidikan formal di sekolah, namun jumlah tersebut hanya mencatatkan peratusan yang kecil (1.9%). Tidak dinafikan bahawa terdapat juga ibu tunggal yang mendapat pendidikan tinggi, namun jumlah tersebut terlalu kecil (0.3%). Keadaan tersebut menggambarkan bahawa majoriti ibu tunggal di kawasan kajian mempunyai

tahap pendidikan rendah. Sehubungan itu, kebanyakan ibu tunggal yang dikaji tidak mempunyai kelulusan atau bidang yang bersesuaian dengan keperluan pasaran kerja semasa yang menyebabkan persaingan mereka dalam pasaran kerja berpendapatan tinggi adalah terlalu sukar.

Sementara itu, majoriti responden kajian ini mempunyai pendapatan bulanan yang rendah iaitu kurang daripada RM1,000 (60.1%), jumlah tersebut diikuti dengan responden yang berpendapatan di antara RM1,001 hingga RM2,000 sebulan (24.1%), seterusnya diikuti oleh responden yang berpendapatan RM2,001 hingga RM3,000 (7.4%), dan responden berpendapatan sederhana tinggi iaitu melebihi RM3,001 sebulan yang menunjukkan bilangan responden paling rendah (8.4%). Keadaan ini tambah membebankan kerana, kebanyakan responden kajian ini tidak mempunyai pendapatan sampingan selain daripada bergantung pada satu punca pendapatan atau gaji bulanan yang dibayar kepada responden.

Secara umumnya, ibu tunggal yang diambil sebagai responden di kawasan kajian ini ialah ibu tunggal berbangsa Melayu dan beragama Islam. Selain itu, majoriti ibu tunggal di kawasan kajian adalah pada peringkat umur produktif dan peringkat umur pertengahan, iaitu berumur antara 31 tahun ke atas, berpendapatan rendah dan memiliki tahap pendidikan yang rendah, yang mana mencatatkan jumlah tertinggi responden kajian ini.

**Jadual 2: Profil Sosiodemografi dan Sosioekonomi Responden**

<b>Latar Belakang Responden</b>	<b>Frekuensi (n)</b>	<b>(%)</b>
<b>Bangsa</b>		
Melayu	247	79.4
Cina	25	8.0
India	29	9.3
Lain-lain	10	3.2
<b>Agama</b>		
Islam	256	82.3
Buddha	22	7.1
Hindu	22	7.1
Kristian	10	3.2
Lain-lain	1	0.3

**Jadual 2 (sambungan)**

<b>Latar Belakang Responden</b>	<b>Frekuensi (n)</b>	<b>(%)</b>
<b>Umur (Tahun)</b>		
≤ 20	3	1.0
21-30	28	9.0
31-40	123	39.5
41-50	121	38.9
51-60	36	11.6
<b>Pendapatan Sebulan (RM)</b>		
≤ 1000.00	187	60.1
1001.00 - 2000.00	75	24.1
2001.00 - 3000.00	23	7.4
3001.00 - 4000.00	6	1.9
4001.00 - 5000.00	13	4.2
≥ 5001.00	7	2.3
<b>Pencapaian Akademik</b>		
Tidak Bersekolah	6	1.9
Sekolah Rendah	33	10.6
SRP/PMR	63	20.3
SPM/SPMV	154	49.5
Sijil/Diploma	34	10.9
Ijazah Sarjana Muda	20	6.4
Ijazah Sarjana/PhD	1	0.3

## **Kesejahteraan kewangan ibu tunggal**

Berdasarkan kepada Jadual 3, nilai skor keseluruhan untuk tahap kesejahteraan kewangan responden adalah pada tahap sederhana, iaitu sebanyak 4.55. Hasil analisis kesejahteraan kewangan responden menunjukkan pernyataan berhubung kekerapan responden menghadapi masalah pembayaran bil-bil seperti elektrik, air, telefon, bayaran ansuran dan kad kredit didapati mencatatkan nilai skor purata paling tinggi, iaitu 5.74 berbanding dengan skor bagi pernyataan lain. Keadaan ini menunjukkan bahawa responden kajian ini kadang-kadang sahaja mengalami masalah membayar bil yang diterima setiap bulan.

Jumlah ini diikuti oleh pernyataan berhubung keyakinan responden mengenai pengetahuan mereka dalam aspek pengurusan kewangan yang mencatatkan skor 5.20. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden hanya mempunyai sedikit keyakinan berkaitan pengetahuan pengurusan kewangan peribadi mereka.



Berikutnya, skor mengenai kekerapan responden mengalami kehabisan wang sebelum menerima gaji adalah kerap berlaku dalam kalangan responden yang menunjukkan nilai purata 5.09. Kajian ini turut menunjukkan skor sebanyak 4.85 bagi pernyataan mengenai keyakinan mereka mengawal kewangan peribadi. Hal ini menunjukkan bahawa responden kajian hanya mempunyai sedikit keyakinan terhadap kawalan kewangan. Kekerapan responden mengalami masalah ini jelas menunjukkan bahawa responden kerap berhadapan dengan masalah kewangan.

Manakala, pernyataan mengenai keyakinan responden berkaitan kecukupan wang untuk keselesaan kehidupan hari tua mencatatkan skor purata 4.83. Nilai tersebut jelas menunjukkan bahawa responden kajian tidak yakin dengan kedudukan kewangan mereka untuk kehidupan yang selesa pada masa akan datang. Maklumat yang diperoleh ini menggambarkan responden tidak berpuas hati dengan keadaan kewangan semasa mereka. Hal ini kerana nilai skor bagi menggambarkan tahap kepuasan responden terhadap kewangan semasa mereka mencatatkan purata 4.80, iaitu pada tahap tidak berpuas hati.

Seterusnya, pernyataan mengenai kemahiran dan pengetahuan responden dalam aspek perancangan kewangan turut diambil kira. Purata nilai skor bagi pernyataan ini menunjukkan nilai 4.69 yang membawa maksud bahawa responden tidak mempunyai pengetahuan yang tidak baik dalam aspek perancangan kewangan. Manakala, responden turut menyatakan bahawa sumber kewangan semasa mereka sukar mencukupi untuk menampung perbelanjaan isi rumah, iaitu mencatatkan nilai skor 4.52. Maklumat yang diperoleh ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden mengalami masalah kelemahan pengurusan kewangan dan menyebabkan berlaku defisit dalam perbelanjaan mereka. Hal ini menunjukkan bahawa responden tidak memiliki perancangan perbelanjaan kewangan yang bertujuan memastikan jumlah pendapatan yang diterima mencukupi bagi menampung perbelanjaan dengan sebaiknya.

Responden kajian ini turut ditanya mengenai kesediaan mereka menghadapi waktu kecemasan untuk memperoleh wang RM1,000 bagi menampung keperluan kecemasan. Nilai skor purata dicatatkan adalah 3.91, yang menunjukkan responden tidak mudah mendapatkan wang kecemasan sejumlah RM1000.00 apabila berlaku situasi kecemasan.

Dapatan kajian ini turut menunjukkan bahawa nilai skor bagi soalan mengenai kebimbangan responden tentang keadaan kewangan mereka pada hari ini. Nilai skor purata yang dicatatkan menunjukkan nilai 3.91 yang membawa maksud responden kadang-kadang berasa bimbang dengan keadaan kewangan semasa mereka.

**Jadual 3: Taburan Purata Skor Kesejahteraan Kewangan dalam Kalangan Responden Ibu Tunggal**

<b>Bil.</b>	<b>Pernyataan</b>	<b>Purata Skor (1 – 10)</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
1.	Gambarkan kepuasan anda terhadap keadaan kewangan semasa anda.	4.80	1.835
2.	Sejauhmanakah anda yakin anda mempunyai wang yang cukup untuk kehidupan hari tua yang selesa?	4.83	1.941
3.	Sejauhmanakah anda yakin anda mempunyai kawalan ke atas kewangan anda?	4.85	1.964
4.	Sejauhmanakah anda yakin anda tahu menguruskan kewangan anda?	5.20	1.915
5.	Semudah manakah bagi anda mendapatkan wang RM1,000 untuk menampung keperluan kecemasan?	3.91	2.075
6.	Sejauh manakah anda bimbang tentang keadaan kewangan anda hari ini?	3.14	2.082
7.	Sebaik manakah anda dari aspek perancangan kewangan anda?	4.69	1.908
8.	Bagaimanakah perasaan anda mengenai keadaan kewangan semasa anda?	4.21	2.003
9.	Manakah antara kenyataan berikut menerangkan keadaan sumber kewangan semasa anda?	4.52	1.914
10.	Sekerap manakah anda menghadapi masalah membayar bil bulanan (elektrik, air, telefon, ansuran, kad kredit)?	5.74	2.466
11.	Sekerap manakah anda kehabisan wang sebelum menerima gaji seterusnya?	5.09	2.538
12.	Sejauh manakah anda bimbang mengenai keseluruhan kedudukan kewangan anda?	3.60	2.407
	Purata Skor Keseluruhan	4.55	

### **Tahap kesejahteraan kewangan ibu tunggal**

Maklumat terperinci mengenai persepsi tahap kesejahteraan kewangan responden yang diambil dalam kajian ini adalah dipaparkan melalui Jadual 4. Tahap kesejahteraan kewangan responden dibahagikan kepada 3 kategori iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati 50.8 peratus responden yang dikaji berpendapat bahawa mereka mempunyai tahap kesejahteraan kewangan yang sederhana dan seramai 41.5 peratus responden mempunyai tahap kesejahteraan kewangan yang rendah. Manakala, hanya sebilangan kecil responden, iaitu 7.7 peratus sahaja

mempunyai tahap kesejahteraan kewangan yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan kecenderungan kesejahteraan kewangan ibu tunggal adalah pada tahap yang sederhana dan rendah. Hal ini berkemungkinan responden hanya berfokus pada memenuhi keperluan asas yang lazim seperti makan, minum, sewa rumah dan bil utiliti sahaja tanpa mengambil perhatian dari aspek keperluan pembelian rumah atau sampingan lain dan kehendak sebenar mereka sendiri.

**Jadual 4: Taburan Tahap Kesejahteraan Kewangan dalam Kalangan Responden Ibu Tunggal**

Tahap	Kekerapan	(%)
Rendah (skor 1 - 4)	129	41.5
Sederhana (skor 5 - 7)	158	50.8
Tinggi (skor 8 - 10)	24	7.7

## Kesimpulan

Secara umumnya, majoriti responden dilihat mempunyai kedudukan kewangan yang cenderung tidak stabil, tambahan dengan peningkatan kos sara hidup pada masa kini menambahkan lagi masalah kerentanan ekonomi mereka. Selain itu, hasil kajian turut memberi gambaran bahawa responden kajian telah menerapkan sikap bersyukur dan pasrah dalam diri mereka agar berasa lebih berpuas hati dan reda dengan kehidupan sebagai ibu tunggal.

Oleh itu, penekanan kepada program-program berbentuk kemahiran kepada golongan ibu tunggal perlu dipertingkatkan melalui kerjasama pihak kerajaan, seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat setempat dan badan bukan kerajaan seperti persatuan-persatuan ibu tunggal melalui program pembangunan usahawan yang memberi fokus terhadap aspek kemahiran pengurusan kewangan serta pembangunan perniagaan kepada ibu tunggal. Program ini bertujuan memberikan peluang kepada golongan ini untuk meningkatkan pendapatan dan bersaing secara sosial dan ekonomi. Perkara ini turut disokong oleh kajian Zaimah, Sarmila, dan Habib (2012) bahawa pendidikan kewangan memberikan kesan positif terhadap tahap kesejahteraan kewangan serta mengurangkan tekanan kewangan seseorang. Hal ini kerana kesejahteraan kewangan golongan ini akan semakin baik apabila mereka mempunyai pendapatan yang baik. Di samping itu, usaha meningkatkan kesejahteraan kewangan golongan ibu tunggal ini juga secara tidak langsung mampu meningkatkan kualiti pembangunan modal insan pada masa akan datang.

## Rujukan

Abd. Rahim, A.R., Sufean, H., & Che Hashim, H. (2006). *Krisis dan Konflik Institusi Keluarga*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Broussard, C.A. (2010). Research regarding low-income single mothers' mental and physical health: a decade in review. *Journal of Poverty*, 14(4), 443-451.

Garman, E.T. (2006). Consumer economic issues in America. *The Journal of Consumer Affairs*, 32(2), 431-433.

Hill, K.L. (2010). Single mothers-how are they doing? *Journal of Organizational Culture, Communications and Conflict*, 15(1), 1-10.

Husniyah, A.R. & M. Fazilah, A.S. (2012). Financial well-being among main ethnicities in Malaysia. *Consumer and Family Economics*, 15, 71-84.

Joo, S.H. (1998). *Personal financial wellness and worker job productivity*. Ph.D Dissertation, Virginia Polytechnic Institute and State University, Blacksburg.

Kuzunishi, L. (2003). Periodical change of tenure of single mother households and the difference of housing situation between single mother household who is left as a widow and who is divorced. *Proceeding of 1<sup>st</sup> APHR Conference on Housing and Sustainable Urban Development*, 1 – 4 Julai.

Laily, P. (2004). *Konsep, Definisi dan Pengukuran Kesejahteraan*. Dlm. Laily, P. & Nurizan, Y. (Eds.), *Kesejahteraan Isi Rumah Johor Darul Takzim* (1-22). Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.

Laily, P. & Jariah, M. (2003). *Pengenalan Ekonomi Pengguna*. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.

Nor Aini, I. & Selvaratnam, D.P. (2012). Program pembasmian kemiskinan dalam kalangan ibu tunggal: analisis penyertaan dan keberkesanan. Kertas Pembentangan di Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII) 4 – 6 Jun.

Rutherford, L.G. & Fox, W.S. (2010). Financial wellness of young age 18-30. *Family and Consumer Sciences Research Journal*, 38(4), 468-484.

Shim, S., Xiao, J.J., Barber, B.L., & Lyons, A.C. (2009). Pathway to life success: a conceptual model of financial well-being for young adults. *Journal of Applied Development Psychology, 30*(6), 708-723

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia. (2012). *Laporan Seminar Memperkasakan Hak-Hak Ibu Tunggal*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, (SUHAKAM).

Zaimah R., Abd Hair, A., & Sarmila M.S. (2016). Faktor-faktor penentu kesejahteraan kewangan pekerja di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities, 1*, 229-240

Zaimah, R., Sarmila, M.S., Azima, A.M., Suhana, S., Novel, L., Mohd Yusof, H., & Sivapalan, S. (2012). Tingkah laku kewangan guru di Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space, 8*(6), 42-48.

Zarina, M.A. (2009). Prediktor tingkah laku keibubapaan ibu dan kesejahteraan anak dari keluarga melayu bercerai. *Master Dissertation*, Universiti Putra Malaysia.